



KANTA BERKACA

AKU termangu mengenang kenalan baruku yang agak lama juga tidak ketemui. Lewat beberapa purnama yang lalu, aku terpaksa bekerja di kamar rutinku, meninggalkannya di *pool* pesakit katarak. Seusai pembedahan siri pertama yang berjaya mengembalikan dunianya, kulihat dia kian lincah. Ya, kegembiraan dan keceriaan pesakit adalah tonik untukku terus cergas dan bertenaga meladeni pentas *ophthalmologist* ini.

Masih bergentayangan arca wajahnya ketika mula-mula menapak ke pusat rawatan ini dengan dipapah oleh seorang wanita dan petugas hospital. Wajahnya yang layu dan sayu, menggambarkan penderitaan usang yang dialaminya. Jalannya separuh rukuk dengan huyung dan sesekali menampakkan struktur fizikal yang mendepani usia sebenar.

Kulit kering berkeruping dan menghasilkan bau yang kurang enak semakin mengingatkan aku padanya. Secara alami, kondisi pesakit seumpama itu memang aku dapat teka sinopsis sejarah hidupnya, namun tidak elok pula aku membuat justifikasi awal sebelum usai kajian.

“Puan datang seorang ke? Ada saudara-mara yang turut sama?” Salah seorang jururawatku menyapa santun. Dia kelihatan agak celaru. Sesekali memandang ke arah kami tetapi aku tahu tidak pasti siapa yang dituju. Aku lihat kad pendaftaran kesihatan yang baru jururawatku letakkan di sisi. Siti Norlia bt Kasmadi, nama yang tertera di situ.

“Suami... Er... Suami saya mana?” Jawapan yang berupa soalan itu pula memerangkap fahamku. Beberapa orang jururawat berpandangan sesama sendiri dan kepadaku juga. Aku gumam sahaja hipotesis awal dalam hati kecilku. Seseekali matakु melillau juga ke sekeliling, kalau-kalau ternampak kelibat lelaki merangkap suaminya itu.

Tak apalah, kita abaikan sahaja jawapannya. Kulihat selaput putih menyelimuti kupil kedua belah matanya. Secara persis aku tahu itu katarak yang amat lama telah bersemayam di situ, bukan sebulan dua. Sah, tugasku semakin hampir dan pasti.

Seorang wanita yang tadinya turut memasuki ruang daftar segera tampil. Dia seakan mendamaikan pesakit katarak itu.

“Saya kakaknya,” akui wanita itu memberi pengakuan. Kami tersenyum tanda perkenalan. Wanita itu mengakui, penyakit adiknya itu memang telah lama dihadapi, namun dia enggan melakukan rawatan awal. Aku membuat andaian penggunaan sama ada pil atau krim steroid untuk penyakit kulitnya yang terlalu lama, mungkin menjadi punca katarak yang dialaminya.

Kondisi kulit yang berkeruping itu sekali lagi memberi analogi signifikannya penyakit itu dengan steroid. Pesakit baharuku itu kelihatan tidak tenang, walaupun penglihatannya sekadar melihat bayang. Seseekali keadaannya tidak stabil menyebabkan wanita yang mengaku kakaknya itu terpaksa menahan tubuhnya daripada rebah.

Beberapa kali perkataan ‘suami’ itu terpacul lagi daripada mulutnya. Itu menguatkan lagi analisisku tentang kecelaruan yang melanda bukan sahaja nderanya tetapi emosi dan jiwanya. Tapi biarlah itu, bukan kepakaranku.

II

AKU meneliti katarak putih yang menyaluti ruang anak matanya. Kedua belah matanya nyata tidak berfungsi. Dia hanya melihat bayang-bayang hitam objek di hadapannya. Sebab itulah kedatangannya pun terpaksa dipapah. Dalam situasi begitu memang pesakit akan gagal mengurus diri sendiri. Dengan isyarat tangan, aku mengarahkan pasukanku agar mulakan persiapan untuk pembedahan segera dilakukan.